



Santai

EDITOR BERSEKUTU (RENCANA): HUSAIN JAHIT

TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4791

FAKS : 03-20567083/7084

DEKATI HAIWAN JINAK

FOTO AMIRUDIN SAHIB DAN IHSAN UPM

**Suliati Asri**

suliati@hmetro.com.my

Panorama indah petang itu dengan pemandangan menghijau dan lembu tenusu yang bebas meragut rumput nyata cukup mendamaikan.

Mana tidaknya, pemandangan bukit yang menghijau dengan rimbunan pokok di puncak bukit dan terdapat beberapa ekor lembu bebas meragut rumput menawarkan suasana persis di luar negara.

Itu belum senyuman lebar pasangan pengantin yang mengabadikan kenangan bergambar berlatar belakang pemandangan yang cukup indah.

Kegembiraan juga jelas terpancar di wajah kanak-kanak yang sememangnya teruja saat berpeluang memberi makan kepada lembu tenusu serta mengusap lembut kepala si rusa.

>485

FOKUS

DARI MUKA 1

PEMANDANGAN
indah menanti di Ladang Tenuus UPM.

Itulah yang pastinya dirasai saat menjelajah di sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi lawatan berpandu eDU-PARK UPM.

Diperkenalkan sejak Jun 2013, eDU-PARK adalah pakej pengalaman pembelajaran di UPM yang bersesuaian untuk pelawat awam dewasa dan kanak-kanak.

Menerusi lawatan ini, pengunjung berpeluang meneroka dunia akademik universiti penyelidikan Malaysia dan menimba pengetahuan daripada pakar dalam suasana pelancongan.

Ia juga peluang bagi pengunjung untuk memahami proses menjalankan penyelidikan melalui interaksi edupelancongan dengan menggunakan pelbagai kemudahan penyelidikan, disertai dengan kualiti yang terbaik dalam pengajaran.

Terdapat tujuh lokasi yang menerapkan pembelajaran melalui pengalaman apabila setiap modul lawatan adalah lawatan berpandu dan interaktif bersesuaian dengan slogan 'Play, Learn and Stay-Young'.

LADANG TENUS PUTRA

Terletak di Ladang 16, ladang tenuus ini adalah lokasi pengunjung berpeluang mempelajari banyak maklumat



TERUJA USAP KEPALA RUSA

Lawatan berpandu eDU-PARK UPM sedia 7 lokasi terapkan pembelajaran melalui pengalaman

PASANGAN pengantin baru mengabadikan kenangan berlatarbelakangkan suasana indah yang menghijau.



terutama berkaitan ternakan lembu tenuus.

Kunjungan selama kira-kira 45 minit di sini, pengunjung juga berpeluang merasai kedamaian padang rumput yang luas iaitu kawasan penyelidikan untuk haiwan ruminan bersiar-siar dengan bebas.

Di ladang ini juga pengunjung dapat melihat selembu iaitu kacukan lembu dengan seladang.

Menariknya di sini, selain dapat melihat sendiri kelabit lembu yang bebas di kawasannya, pengunjung berpeluang melakukan pelbagai aktiviti, antaranya melihat bagaimana susu lembu diperas, memberi susu kepada anak lembu menggunakan botol, memberi makanan dan cara memproses susu.

LADANG RUSA

Pengunjung berpeluang mendekati rusa jinak selain mempelajari sendiri jenis rusa yang ada.

Berkunjung ke sini, terdapat tiga jenis rusa yang boleh dilihat iaitu rusa timur, rusa samba dan rusa dama dengan jumlah keseluruhan di ladang ini kira-kira 150 ekor.

Namun, tatkala berkunjung ke sini, anda mungkin hanya melihat kira-kira 30 hingga 50 ekor rusa yang

ditempatkan di kadang dan selebihnya bebas di kawasannya.

Sudah namanya rusa jinak, pengunjung pastinya disambut mesra oleh rusa ini terutama jika memegang makanan berupa palet yang disediakan.

Pengunjung terutama si kecil pastinya teruja saat berpeluang mengusap kepala si rusa ataupun dikerumuni rusa yang inginkan makanan dipegang di tangan.

PUSAT EKUIN UPM

Pusat ekuin adalah tarikan utama di UPM yang menawarkan pengunjung peluang mendekati kuda. Meliputi kawasan seluas empat hektar, terdapat dua kandang yang menempatkan 19 kuda.

Pusat ekuin ini juga mempunyai padok (padang kecil untuk kuda) bertaraf antarabangsa dan kawasan padang rumput.

Menariknya dengan lawatan kira-kira 45 minit di sini, pengunjung boleh belajar teknik dan cara penjagaan kuda serta mandanannya.

Pengunjung juga berpeluang menyentuh, membeli makan (lobak merah disediakan) dan melawat di sekitar sekitar pusat ini.

Bagi pemintas sukan ekuestrian, kelas menung-



TIGA jenis rusa terdapat di ladang Rusa UPM.

LADANG Ternakan UPM tawar pengalaman mengujakan.



LADANG Tenuus juga adalah pusat pembelajaran pelajar UPM.

gang kuða juga boleh didapati dengan kadar bayaran yang menarik.

Bayaran masuk: RM23 (dewasa) / RM11 (kanak-kanak dan warga emas)

MUZIUM WARISAN MELAYU

Muzium ini ditubuhkan secara rasmi pada Januari 2013 dengan tujuan khas bagi mengumpul, memulihara dan memelihara artifak Melayu silam untuk didokumentasikan, dipamerkan kepada umum dan dikaji secara mendalam oleh penyelidik serta pengkaji warisan.

Kewujudan muzium ini akan membuka ruang untuk masyarakat umum mengenali dan menghayati kehebatan warisan Melayu sejak zaman berzaman.

Penerangan diberikan terhadap pengumpulan serta pemuliharaan artifak dan khazanah ketamadunan bangsa Melayu sekitar Semenanjung Malaysia, meliputi seni binaan tradisional, manuskrip Melayu, busana dan tekstil, senjata dan alat tempur, peralatan dan isi rumah Melayu.

Menariknya, di sini pengunjung berpeluang melihat sendiri keunikian seni bina rumah lama, antaranya rumah tradisional Pahang berusia 97 tahun, ruang tradisional Terengganu berusia 200 tahun, rumah tradisional Perak atau rumah kutai berusia 115 tahun dan rumah tradisional Negeri Sembilan berusia 81 tahun.

Muzium Warisan Melayu ini juga menawarkan beberapa pakej menarik buat pengunjung termasuk bermalam di muzium dengan bayaran RM150 seorang.

MUZIUM ANATOMI MANUSIA

Muzium ini juga menyediakan maklumat mengenai dunia perubatan dan kesihatan manusia menerusi pameran anatomi atau sifat tubuh kita.

Dengan memaparkan anatomi iaitu struktur dalam dan luar tubuh manusia, antara yang boleh dilihat di sini ialah koleksi asal bahagian atau organ manusia, model rangka daripada kepala hingga hujung kaki, selain perkakasan dan perubatan.

Pengunjung boleh mengambil bahagian dalam model interaktif yang bercirikan 'cuba buat' membatikan modul Lima Deria Manusia Menakjubkan, Jantung Yang Kuat Dalam Sistem Peredaran, Struktur Tulang, Di Mana

La dibahagikan kepada 11 zon utama yang terdiri daripada tumbuhan liar hasil daripada ekspedisi saintifik di seluruh negara sejak 2003.

Ia dibahagikan kepada 11 zon utama yang terdiri daripada tumbuhan aromatik, tumbuhan ubatan, ulam (herba), halia liar, peruk kera, tumbuhan akutik, buahan hutan dan paku-pakis.


Trek pejalan kaki turut dilengkapai papan maklumat. Ini termasuk pembelajaran interaktif dengan permohonan iPad dan kemudahan WiFi percuma di taman.

HARIAN METRO**HAMIS 23 FEBRUARI 2017**


Si kecil teruja memberi makan rusa yang jinak.



KENALI dan dekati kuda di Pusat Ekuin UPM.



MUZIUM Anatomi Haiwan menawarkan pengalaman mengujakan.



LIHAT dengan lebih dekat cara memerah susu lembu di Ladang Tenuus UPM.

INFO

- Edu-Park UPM dibuka dari 8 pagi hingga 5 petang pada waktu bekerja.
- Tempahan untuk lawatan berkumpulan perlu dibuat sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum lawatan.
- Minimum pelawat adalah 10 orang dan maksimum 40 pada satu masa.
- Perkhidmatan tram disediakan untuk lawatan ke Putra Dairy Farm, Ladang Rusa dan Pusat Ekuin UPM.
- Maklumat lanjut dan tempahan, hubungi Edu-Park di 03 8947 1413/1414 atau e-mel edupark.upm@gmail.com.